

# Projek Permata Negara diperluas

BH - 19/3/2007

**K**UALA LUMPUR: Projek Permata Negara iaitu program asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak pada usia muda, akan diperluaskan ke seluruh negara selaras matlamatnya melahirkan modal insan memiliki minda kelas pertama.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata program perintis projek berkenaan dimulakan awal bulan ini akan diperluaskan ke negeri berkenaan sebelum akhir tahun ini.

Katanya, usaha meluaskan projek itu ke seluruh negara penting kerana ia antara asas dalam rancangan pembangunan insan termaktub dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Saya sudah maklumkan perkara ini kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri. Sambutan diterima amat menggalakkan kerana mereka meminta supaya projek ini dilaksanakan di negeri masing-masing.

"Kita akan kenal pasti negeri yang belum menyertai projek ini dalam fasa kedua pelaksanaannya nanti," katanya selepas menghadiri program bual bicara TV1 berjudul *Setiap Anak*

*Permata Negara* di Studio 1, Angkasapuri, di sini, semalam.

Program itu dianjurkan RTM dengan kerjasama Yayasan Harapan Kanak-Kanak Malaysia. Hadir sama, isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Projek Permata Negara dilaksanakan Majlis Permata Negara, Jabatan Perdana Menteri. Ia dicituskan selaras dengan pewujudan Dasar Permata Negara yang dibenarkan Kabinet pada tahun lalu.

Najib adalah Pengerusi Majlis Penyelarasan Dasar Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Permata Negara, manakala Rosmah ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara.

Najib berkata, tujuan utama projek itu dilaksanakan adalah untuk memupuk pendidikan dalaman di kalangan kanak-kanak terutamanya dari segi mental dan kerohanian supaya apabila besar, mereka tidak terbabat dengan masalah sosial.

"Selain itu, kita hendak melihat potensi insan ini dapat direalisasikan secara optimum melalui pengembangan bakat seperti gaya kreativiti

dan mindanya sejak peringkat awal lagi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Majlis Permata Negara sudah merangka beberapa projek perintis selain mengambil beberapa tindakan sesuai termasuk menyediakan premis, kurikulum serta melatih tenaga pengajar pusat berkenaan.

Projek perintis Projek Permata Negara sudah dimulakan di lima lokasi iaitu di Putrajaya, Subang Jaya, Selangor, Kepala Batas, Pulau Pinang serta Felda Mempaga dan Chini di Pahang.

"Tiada bayaran dikenakan kerana

## FAKTA NOMBOR

Projek Permata Negara

**RM2j**

Kos projek perintis

**5**

Lokasi projek sudah dimula

kita hendak menggalakkan ibu bapa menyertainya. Dalam erti kata lain, ibu bapa digalakkan mengunjungi anak dan seterusnya memberi sumbangan kepada perjalanan pusat projek ini," katanya.

Najib berkata, pusat asuhan yang diwujudkan melalui projek itu terbuka kepada semua kaum dengan tumpuan diberikan kepada golongan berpendapatan rendah serta menetap di luar bandar.

Katanya, konsep digunakan bagi projek ini sedikit berbeza dengan taman bimbingan sedia ada kerana falsafahnya berasaskan kepada belajar menerusi bermain dan pembelajaran itu menyeronokkan.

"Kanak-kanak yang dipilih ialah daripada bayi sehingga berusia enam tahun, tetapi kita percaya majoritinya berusia antara dua setengah hingga tiga tahun," katanya sambil menjelaskan kos projek perintis itu dianggarkan RM2 juta.

Dalam pada itu, program *Setiap Anak Permata Negara* akan disiarkan di saluran TV1, setiap Ahad bermula jam 12.05 tengah hari mulai semalam untuk tempoh 14 minggu.